



TARIKH : 23 APRIL 2025

**KENYATAAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

1. Kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred, Kategori dan pengkhususan yang berkaitan yang masih sah laku yang telah **Berdaftar dengan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan**. Hanya kontraktor bumiputera yang **beralamat di dalam Negeri Kedah** sahaja dibenarkan dalam membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. DAFTAR SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	LAWATAN TAPAK
1	MPLBP/SBT/21/2025	MENAIK TARAF GERAI TELUK YU, MK. AYER HANGAT, MP. LANGKAWI. GRED : G2 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE21	LOKASI : GERAI TELUK YU, MK. AYER HANGAT, LANGKAWI TARIKH : 30 APRIL 2025 (RABU) MASA : 10.30 PAGI TARIKH TUTUP : 07 MEI 2025 (RABU) HARGA BORANG : RM 50.00

2. Borang sebut harga boleh didapati di **Kaunter Hasil, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan** pada ketetapan masa seperti berikut :-

Tarikh Mula Di Jual : 30 April 2025 – 07 Mei 2025
Ahad – Rabu : 08.00 Pagi – 04.00 Petang
Khamis : 08.00 Pagi – 02.30 Petang

3. Kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN, SIJIL TARAF BUMIPUTERA, PENDAFTARAN SSM & PENDAFTARAN SURUHANJAYA TENAGA (BAGI KONTRAKTOR ELEKTRIK)** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan seterusnya menyertai satu lawatan tapak bina. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri **30 MINIT SEBELUM MASA SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIMULAKAN**. Hanya pemegang lesen yang sah dan berdaftar dengan MPLBP sahaja berhak hadir dalam lawatan tapak. **WAKIL TIDAK DIBENARKAN.**

4. Semua Borang Sebut Harga mestilah dikemukakan di dalam surat bermetri dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Nombor Sebut Harga hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat.
5. Sebut Harga ini akan ditutup pada **07 MEI 2025 (RABU)** Jam **12.00 TENGAHARI**. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya pelancongan tidak terikat untuk menerima yang terendah atau sebarang tawaran. Borang Sebut harga yang lewat dihantar berkait apa jua alasan adalah tidak dilayan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA“

“THE GREATER KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD HAMRI BIN ABIDIN.,AMK.,BCK)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Langkawi

Bandaraya Pelancongan



Experience
KEDAH